

Kepada : Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

Daripada : Bendahari

Ruj. Kami : UPSI/BEN/AKS/7 (19)

Tarikh : 12 OKTOBER 2020
24 SAFAR 1442H

Peringatan Mengenai Tarikh Akhir Pengeluaran Pesanan Belian dan Perbelanjaan Berhemah

Dengan segala hormatnya memo UPSI/BEN/AKS/7(12) bertarikh 1 Julai 2020 mengenai perkara di atas dirujuk.

2. Berdasarkan kepada kesan pandemik Covid-19 dan kegawatan ekonomi semasa yang dihadapi, kewangan negara mengalami pengecutan hasil Kerajaan yang ketara serta perbelanjaan yang meningkat. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan (MOF) telah menetapkan siling indikatif Peruntukan Mengurus Tahun 2021 yang akan disalurkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berkurangan sebanyak 22% berbanding tahun 2020.

3. Di samping itu juga, berdasarkan kepada makluman terkini, pihak MOF akan mengenakan sekatan geran bagi peruntukan suku keempat tahun 2020 sebanyak RM800 juta daripada peruntukan asal iaitu RM2 billion kepada KPT. Sehubungan itu, saluran peruntukan bagi suku tahun keempat tahun 2020 kepada UPSI turut terjejas.

4. Bagi menangani kurangan peruntukan tahun 2020, Jabatan Bendahari terpaksa mengambil tindakan segera **dengan menghentikan pengeluaran pesanan belian melalui Sistem MyFIS kepada semua PTJ mulai 20 Oktober 2020 (Selasa).**

5. Oleh itu, YBhg. Dato'/ Prof./Dr./Tuan/Puan diminta untuk :-

- 5.1 membuat semakan semula aktiviti yang telah dirancang mengikut keperluan PTJ dengan lebih efisien
- 5.2 melaksanakan perbelanjaan berhemah. Perkara ini adalah dalam semua aspek perbelanjaan PTJ selaras dengan Pekeliling Bendahari Bil.5/2019 – Perbelanjaan Secara Berhemah Bagi Penganjuran Persidangan, Seminar, Pameran, Mesyuarat, Kursus, Bengkel dan Aktiviti Di Dalam dan Luar Kampus Universiti Pendidikan Sultan Idris yang berkuatkuasa 1 Julai 2019.
- 5.3 mematuhi prosedur perolehan aset/inventori seperti yang dinyatakan pada memo UPSI/BEN/ASP/22/4 Jld 11(9) bertarikh 26 Jun 2020.

- 5.4 disaran untuk mencari peluang melalui penjanaaan pendapatan bagi meneruskan kelangsungan operasi Universiti.

Sekian dan terima kasih.

“UNIVERSITI NO. 1 PENDIDIKAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN. HJ. MOHAMED, C.A.(M), ASEAN CPA)

Bendahari

s.k.

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Bendahari Kanan Bahagian Perolehan & Kewangan Pelajar

Penolong Bendahari Kanan Unit Pentadbiran, Kewangan & Kualiti

Penolong Bendahari Kanan Unit Perolehan & Pengurusan Kontrak



Lampiran

1. Pendaftar
2. Ketua Pustakawan
3. Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda
4. Penasihat Undang-undang Bahagian Perundangan
5. Pengarah Bahagian Perancangan Korporat
6. Dekan Institut Pengajian Siswazah
7. Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi
8. Dekan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
9. Dekan Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
10. Dekan Fakulti Sains dan Matematik
11. Dekan Fakulti Pembangunan Manusia
12. Dekan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan
13. Dekan Fakulti Sains Kemanusiaan
14. Dekan Fakulti Teknikal dan Vokasional
15. Dekan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
16. Pengarah Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara
17. Pengarah Pejabat Karang Mengarang
18. Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
19. Pengarah Pusat Latihan Mengajar dan Industri
20. Pengarah Pusat Pembangunan Akademik
21. Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti
22. Pengarah Institut Peradaban Melayu
23. Pengarah Pusat Alumni
24. Pengarah Pusat Kaunseling
25. Pengarah Sekolah Makmal

26. Pengarah Pusat Ko-Kurikulum
27. Pengarah Pusat Islam
28. Pengarah WEZAS
29. Pengarah Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan
30. Pengarah Pusat Ulul Albab
31. Pengarah Bahagian Pengurusan Kualiti
32. Pengarah Bahagian Pengurusan Risiko dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
33. Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
34. Pengarah Pusat Kesihatan
35. Pengarah Muzium Pendidikan Nasional
36. Pengarah Pusat Bahasa dan Pengajian Umum
37. Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat
38. Pengarah Pusat Kebudayaan
39. Pengarah Pusat Sukan
40. Pengarah Pusat Antarabangsa dan Mobiliti
41. Ketua Timbalan Pendaftar Bahagian Sumber Manusia
42. Ketua Timbalan Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar
43. Timbalan Pendaftar Kanan Bahagian Hal Ehwal Akademik
44. Timbalan Pendaftar Kanan Bahagian Govenan
45. Pengetua Kolej Aminuddin Baki
46. Pengetua Kolej Harun Aminurrashid
47. Pengetua Kolej Ungku Omar
48. Pengetua Kolej Za'ba
49. Pengetua Unit Kediaman Luar Kampus
50. Pengetua Kolej Awang Had Salleh
51. Ketua Bahagian Audit Dalam

52. Ketua Pegawai Bahagian Keselamatan
53. Timbalan Pendaftar Unit Integriti dan Pematuhan
54. Timbalan Pendaftar Jabatan Canselori
55. Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Pengangkutan